



## SIARAN MEDIA

### KPKT MEMARTABAT BAHASA MELAYU, MEMPERKASA BAHASA INGGERIS

---

**PUTRAJAYA, 13 Disember 2025** – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah **Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris 2025 “*Speak Up For Change 2025 – The Minister’s Cup: English Public Speaking Challenge*” Peringkat Akhir**. Pertandingan yang julung kalinya diadakan ini berlangsung di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semalam.

Pertandingan ini merupakan sebahagian daripada usaha KPKT untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan penjawat awam. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh kemampuan komunikasi, kepimpinan dan kecemerlangan profesional dalam perkhidmatan awam.

Dalam ucapan beliau, YB KM menegaskan bahawa penguasaan Bahasa Inggeris merupakan kemahiran pelengkap kepada Bahasa Melayu. Pertandingan ini diadakan untuk melengkapi penjawat awam dengan keyakinan berkomunikasi dalam persekitaran global, namun tidak mengesampingkan Bahasa Melayu sebagai asas perpaduan.

"Bahasa Melayu kekal sebagai kebanggaan negara dan teras keharmonian kita. Pada masa yang sama, penguasaan Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain membolehkan pegawai kita menetengahkan pencapaian Malaysia di peringkat antarabangsa, menarik kerjasama global dan menyampaikan perkhidmatan secara lebih berkesan dalam dunia tanpa sempadan," kata beliau.

YB Nga Kor Ming yang juga Presiden UN Habitat turut menekankan bahawa pertandingan ini menggalakkan pembangunan pemikiran kritikal, keyakinan dan

keimpinan melalui pengucapan awam. Usaha ini sejajar dengan **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)** serta matlamat KPKT untuk memupuk tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa hadapan dan berorientasikan rakyat.

"Bahasa Inggeris bukanlah pengganti bahasa kebangsaan, tetapi alat penting yang membuka peluang, mengukuhkan diplomasi dan mempersiapkan penjawat awam untuk memberi sumbangan bermakna di platform nasional dan antarabangsa," tambah beliau.

Beliau turut memuji komitmen para peserta dan menyifatkan pengucapan awam sebagai kemahiran yang memupuk disiplin, empati dan kepimpinan. Ia merupakan elemen penting dalam perkhidmatan awam yang efektif dan berwawasan. Tahun ini, lebih 35 penjawat awam KPKT telah menyertai pertandingan tersebut.

Menutup ucapannya, YB KM menegaskan bahawa Bahasa Melayu akan terus dijunjung dalam semua komunikasi rasmi domestik, manakala penguasaan Bahasa Inggeris akan terus diperkasa sebagai nilai tambah untuk memperkukuh keterlibatan Malaysia di pentas antarabangsa.

"Pendekatan kami adalah praktikal dan seimbang iaitu menghormati Bahasa Melayu sambil melengkapkan pegawai dengan kemahiran untuk berinteraksi secara yakin di peringkat global," katanya.

Pertandingan *"The Minister's Cup: English Public Speaking Challenge"* akan terus menjadi antara inisiatif KPKT dalam membangunkan perkhidmatan awam yang cekap, efisien dan peka terhadap persekitaran global selaras dengan prinsip **Malaysia MADANI**.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#DemiPertwi  
#UnityInDiversity  
#RancarkanMADANI

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

**UKK**  
**K P K T**